

12 DEC 1999

ANPALAGAN HARAP LAKSANA DASAR KEMENTERIAN SEBAIK MUNGKIN

SEREMBAN, 12 Dis (Bernama) -- Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan yang baru dilantik, S.Anpalagan, berharap dapat melaksanakan dasar-dasar kementerian dengan sebaik mungkin.

"Saya berharap dapat menjalankan visi kementerian dan kerajaan untuk meningkatkan lagi mutu dan taraf kesihatan rakyat terutama di kawasan luar bandar," katanya kepada Bernama di sini, hari ini.

Anpalagan, anggota parlimen Telok Kemang, yang terkejut dan terharu dengan pelantikan itu mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di atas kepercayaannya meletakkan beliau menyandang jawatan itu.

"Pelantikan ini adalah satu amanah dan tanggungjawab dan saya berjanji untuk memberi perkhidmatan sebaik mungkin terutama memastikan kesihatan rakyat ke alaf baru.

"Saya akan menemui Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng dan Timbalan Menteri Datuk Dr Sulaiman Mohamad terlebih dahulu untuk mendapatkan nasihat sebelum memulakan tugas," katanya.

Beliau dijangka mengangkat sumpah jawatan Rabu ini.

Anpalagan, 36, calon Barisan Nasional (BN) dari MIC memenangi kerusi parlimen Telok Kemang setelah mengalahkan calon DAP N. Gobalakrishnan dengan majoriti 9,942 undi pada pilihan raya umum bulan lepas.

-- BERNAMA

RP NAK